KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 05.12.22 | MUKA SURAT | : | 2 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

# Operasi SAR cari budak dibaham buaya ditamatkan

**Lahad Datu:** Operasi mencari dan menyelamat (SAR) seorang kanak-kanak lelaki yang dipercayai dibaham buaya berhampiran Pangkalan Jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Lahad Datu, 1 Disember lalu, ditamatkan kelmarin.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, operasi SAR hari ketiga dimulakan pada jam 6.53 pagi.

Katanya, operasi pencarian dijalankan dua kilometer dari lokasi mangsa dikenal pasti iaitu kawasan persisiran pantai sehingga ke kawasan Pelabuhan Kluster Industri Minyak Sawit (POIC).

"Namun mangsa yang dipercayai dibaham buaya masih belum ditemui. Hasil perbincangan dengan polis, operasi SAR ditamatkan pada 5.01 petang " katanya.

Namun, katanya operasi SAR akan disambung jika menemui petanda baru.

Terdahulu, dalam kejadian jam 10 pagi 1 Disember lalu, kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun hilang dilarikan selepas diserang buaya di lokasi kejadian.

Sementara itu, bapanya parah akibat cedera di badan dan kepala akibat digigit buaya ketika cuba menyelamatkan anaknya.

*"Hasil perbincangan dengan pihak polis, operasi SAR ditamatkan pada jam 5.01 petang"*

*Jurucakap JBPM Sabah*

## Lawan buaya nak selamat anak

**Lahad Datu:** Usaha seorang bapa bertarung dengan buaya bagi menyelamatkan anaknya yang disambar reptilia terbabit berakhir kegagalan.

Pada kejadian jam 10 pagi berhampiran Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) di sini, semalam, kanak-kanak berusia 10 tahun itu hilang dilarikan buaya terbabit manakala bapanya yang be-

dan kini dirawat di Hospital Lahad Datu.

Difahamkan, bapa mangsa cedera di beberapa bahagian badan dan kepala akibat digigit buaya terbabit.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lahad Datu Sumsoa Rashid berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 10.25 pagi.

Katanya, enam anggota

lakukan operasi mencari dan menyelamat (SAR).

"Mangsa daripada suku kaum Palauh. Dia dan anaknya diserang buaya ketika mendayung sampan.

"Lelaki itu berjaya diselamatkan orang awam namun cedera akibat serangan reptilia itu," katanya ketika dihubungi.

Sumsoa berkata, kanak-kanak berkenaan masih gagal dikesan.

Katanya, SAR turut dibantu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), PPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia

*"Dia dan anaknya diserang buaya ketika mendayung sampan"*

*Sumsoa*

LAPORAN Harian Metro, 2 Disember lalu.

HM051222_2